

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih "IKHLAS Fire Protect Takaful". Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)

**TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD
(Ahli PIDM)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS FIRE PROTECT TAKAFUL

Tarikh:

1) Apakah produk ini?

Produk ini memberi perlindungan kepada harta anda dari kerugian atau kerosakan akibat kebakaran atau kilat. Pelan ini juga diperluaskan untuk melindungi bangunan dan kandungan daripada kerugian yang disebabkan oleh kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran atau sebarang peril lain yang dilindungi.

2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko Peserta.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Sijil Takaful ini melindungi:

- kerugian atau kerosakan kepada harta anda yang disebabkan oleh kebakaran atau kilat atau dari letupan gas untuk kegunaan domestik; dan
- kerugian yang disebabkan oleh kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran atau sebarang peril lain yang dilindungi.

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, perlindungan Takaful dilanjutkan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi secara langsung disebabkan oleh:

- kerosakan pesawat;
- gempa bumi dan letupan gunung berapi;
- taufan dan ribut angin;
- banjir;
- letupan;
- kerosakan akibat hentaman;
- pecahan atau limpahan tangki air, peralatan dan paip
- pemasangan peralatan elektrik;
- kebakaran belukar/lalang;

- penenggelaman tanah dan tanah runtuh;
- pembakaran spontan
- rusuhan, mogok dan perbuatan berniat jahat;
- kerosakan daripada pokok tumbang atau dahan dan objek jatuh daripadanya;
- penyimpanan sejuk beku;
- kerosakan yang berpunca dari asap;
- barang dan stok yang menjalani proses pemanasan atau pengeringan;
- kebocoran alat penyembur air

Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat dan terma-terma spesifik yang berkaitan dengan manfaat yang dinyatakan di atas.

Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun. Dengan itu, anda dikehendaki membaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar adalah berdasarkan Amaun Perlindungan yang dipilih, perniagaan / pekerjaan dan jenis bangunan yang dilindungi.

Contoh:

Perlindungan Kebakaran (bangunan) – Satu unit rumah kedai, keseluruhan dibina dari konkrit/batu-bata dan digunakan sebagai kedai minuman dengan Amaun Perlindungan sebanyak RM100,000

Kadar yang digunakan (untuk rumah kedai, keseluruhan dibina = 0.161%
dari konkrit/batu-bata)

Maka, anggaran Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah = $100,000 \times 0.161\%$
= RM161.00

Nota: Kadar Sumbangan Takaful adalah berbeza bagi lain-lain perniagaan dan jenis bangunan. Sila rujuk melalui kami atau pengantara Takaful anda.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful:-

- Cukai yang digunakan bertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful:-

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga maksima 15% dari Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 29% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kewajipan Pendedahan

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau

profesjon anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatian kontrak Takaful anda.

- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Waranti Sumbangan

- Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful ini akan terbatalkan secara automatik dan pihak Syarikat memiliki hak terhadap Sumbangan Takaful pro-rata bagi tempoh dimana Syarikat menyediakan perlindungan.

Jumlah untuk Dilindungi

- Anda harus memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut.
- Anda boleh melindungi harta anda berdasarkan dasar Nilai Pasaran atau nilai pengembalian semula:
 - a) Dasar Nilai Pasaran – pihak kami akan membayar kos pemberian ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak jumlah Susut Nilai atau Haul dan Lusuh.
 - b) Dasar nilai pengembalian semula – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pemberian harta yang rosak tanpa menolak Susut Nilai atau Haul dan Lusuh, dengan syarat Amaun Perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut
- Sekiranya jumlah yang dilindungi ke atas harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap untuk bertanggungjawab terhadap perbezaannya dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya.
- Ekses, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk Peril tertentu, seperti tuntutan terhadap tangki air yang melimpah, angin ribut, gempa bumi dan banjir.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
- Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

1. Sijil Takaful tidak merancang untuk dan tidak melindungi:
 - (a) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selaras dengan

- Pengecualian 2(f) atau melalui proses menjalani pemanasan atau pengeringan.
- (b) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran harta melalui perintah mana-mana pihak berkuasa awam.
 - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada kebakaran bawah tanah.
 - (d) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada akibat atau yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
 - (e) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbang oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampar.
2. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus di dalam Sijil Takaful ini tidak melindungi:
- (a) Barang yang dipegang atas amanah atau berasaskan komisen.
 - (b) Jongkong emas atau permata berharga belum berikat.
 - (c) Sebarang barang aneh atau hasil kerja seni bagi jumlah melebihi RM500.
 - (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau rekaan, corak, model atau acuan.
 - (e) Sebarang jenis sekuriti, tanggungan atau dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
 - (f) Batu arang, daripada kerugian atau kerosakan yang berlaku disebabkan oleh pembakaran secara tiba-tiba;
 - (g) Bahan letupan.
 - (h) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada letupan; tetapi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan gas yang digunakan untuk pencahayaan atau tujuan domestik dalam bangunan yang tidak memiliki bekalan gas dan tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana kerja gas, akan dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dalam erti kata Sijil Takaful.
 - (i) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada pembakaran hutan, belukar, lalang, padang rumput, pampas atau rimba, sama ada tidak disengajakan atau sebaliknya, dan pemugaran tanah secara pembakaran.
3. Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi, yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana daripada kejadian berikut, iaitu
- (a) Gempa bumi, letupan gunung berapi atau atau gegaran alam yang lain.
 - (b) Taufan, hurikan, puting beliung, silikon atau gangguan atmosfera lain.
 - (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyitharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - (d) Dahagi, rusuhan, ketenteraan atau kebangkitan awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasam kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau sebarang peristiwa atau sebab di mana untuk menentukan atau pemberikan terhadap pasukan ketenteraan atau operasi ketenteraan di sesebuah kawasan.
 - (e) Sebarang kegiatan keganasan

Nota: *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.



9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai *IKHLAS* Fire Protect Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Houseowner/Householder Takaful
- *IKHLAS* Fire Takaful
- *IKHLAS* Fire Plus Takaful

Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam helaian keterangan produk ini adalah sah pada 01/05/2024